



8 Disember 2016
8 December 2016
P.U. (B) 500

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui P.U. (B) 129/1985 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 14 Mac 1985, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Kanun Tanah Negara) 1974 [*P.U. (A) 56/1974*], yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan yang diwakilkan kepadanya Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk Rumah Pam Air dan telah menetapkan bahawa Jurutera Penguasa Bekalan Air, Jabatan Kerja Air, Selangor hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu:

DAN BAHAWASANYA, melalui P.U. (B) 108/2003 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 3 Mac 2003, Kerajaan Persekutuan telah mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan diwakilkan kepadanya, memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu akan didengar oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tingkat 2, 3 dan 4, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur mulai pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang pada 15 Disember 2016.